



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

RM15 JUTA DI BAWAH PEMERKASA 2.0 WPKL CERMINAN KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 21 September 2021 – Sebanyak RM15 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan projek-projek baikpulih dan naik taraf infrastruktur awam di bawah Inisiatif Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) 2.0 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menawarkan kerja-kerja ini kepada kontraktor G1 terpilih yang berjaya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan bagi merangsangkan semula ekonomi semasa tempoh pasca PKP. Ini termasuk projek-projek mengecat semula bangunan, membaiki/mengganti kerosakan infrastruktur asas dan kemudahan awam.

Majoriti pelaksanaan projek-projek ini adalah di PPR dan Perumahan Awam DBKL yang diterima daripada komuniti melalui Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan. Permohonan bagi projek-projek kecil ini adalah berdasarkan kepada keperluan kritikal yang memerlukan baikpulih serta merta bagi mengelakkan risiko yang boleh menjejaskan keselamatan awam. Keseluruhan projek baikpulih dan naiktaraf adalah sebanyak 26 projek yang majoritinya telah mencapai 25 peratus kemajuan kerja yang telah bermula pada Julai 2021 dan akan berjaya diselesaikan pada November 2021.

Kerja-kerja baikpulih di Surau Quba Pangsapuri Melur, Bandar Baru Sentul telah mencapai 95 peratus siap yang meliputi kerja-kerja mengecat bahagian luar dan dalam surau termasuk tandas, tempat wudhu lelaki dan wanita serta pengantian dinding *partition* di dalam surau dengan kos sebanyak RM22 ribu.

Manakala bagi Perumahan Awam Seri Terengganu melibatkan kerja-kerja pengantian 32 unit *railing* tangga, penutup longkang serta *awning*, kerja-kerja pendawaian lampu kaki lima dan pengantian kabel *submain* bagi keselesaan dan kesejahteraan komuniti setempat. Kos keseluruhan projek ini adalah sebanyak RM560 ribu dan 50 peratus kerja siap di tapak. Ianya dijangka siap sepenuhnya pada awal bulan November 2021.

Kerajaan akan sentiasa komited dalam menyediakan persekitaraan kehidupan yang lebih kondusif ke arah mempertingkatkan kualiti hidup Keluarga Malaysia disamping merangsang kembali ekonomi di Wilayah Persekutuan dalam menjadikan matlamat “My City My Home” dicapai.

**Disediakan oleh:
Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
22 September 2021**